

## **MONTESSORI AUTISME BOARD (MAB)**

**NUR HANISAH BINTI SADZALI (08DBK22F1011)**

**ARFAN NAUFAL BIN RAHIM (08DBK22F1037)**

**HAZMAN ADLIE BIN HISHAM (08DBK22F1058)**

**SITI ELYIA MAISARA BINTI MOHD EDRUS (08DBK22F1072)**

**CIVIL ENGINEERING DEPARTMENT**

**WOOD BASE TECHNOLOGY PROGRAMME**

**POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH**

**SESSION I 2024/2025**

## **MONTESSORI AUTISME BOARD (MAB)**

<b>1 NUR HANISAH BINTI SADZALI</b>	<b>08DBK22F1011</b>
<b>2 ARFAN NAUFAL BIN RAHIM</b>	<b>08DBK22F1037</b>
<b>3 HAZMAN ADLIE BIN HISHAM</b>	<b>08DBK22F1058</b>
<b>4 SITI ELYIA MAISARA BINTI MOHD EDRUS</b>	<b>08DBK22F1072</b>

**Laporan ini dikemukakan sebagai sebahagian daripada keperluan untuk**

**Diploma Teknologi Berasaskan Kayu di Jabatan Kejuruteraan Awam Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**

**SESI 1 2024/2025**

## **PENGISYTIHARAN KEASLIAN DAN HAK MILIK**

1. Kami adalah pelajar Diploma dalam Teknologi Berasaskan Kayu, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
2. Kami mengakui bahawa "Montessori Autisme Board (M.A.B)" adalah hasil kerja atau rekaan kumpulan kami sendiri dan tidak diambil atau disalin daripada mana-mana pihak lain.

Dibuat dan diakui secara jujur oleh pihak berikut:

a) Tandatangan Pelajar :

Nama Pelajar : Nur Hanisah Binti Sadzali

No. Matriks : 08DBK22F1011

Tarikh : 20/11/2024

b) Tandatangan Pelajar :

Nama Pelajar : Arfan Naufal Bin Rahim

No. Matriks : 08DBK22F1037

Tarikh : 20/11/2024

c) Tandatangan Pelajar :

Nama Pelajar : Hazman Adlie Bin Hisham

No. Matriks : 08DBK22F1058

Tarikh : 20/11/2024

d) Tandatangan Pelajar :

Nama Pelajar : Siti Elyia Maisara Binti Mohd Edrus

No. Matriks : 08DBK22F1072

Tarikh : 20/11/2024

## **HALAMAN KELULUSAN**

Disemak oleh:

Penyelia : Hamdi Bin Hj Mawardi

Tandatangan :

Tarikh : 20/11/2024

Disahkan oleh:

Penyelaras Projek : Zullhyzrifee Ishraf Bin Zulkifly

Tandatangan :

Tarikh : 20/11/2024

## **PENGHARGAAN**

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillah, Bersyukur ke hadrat Ilahi yang maha pengasih lagi maha penyayang, dengan izin-Nya memberi peluang kepada kami untuk menyiapkan Projek Tahun Akhir ini. Projek ini hanya dapat dicapai kerana bantuan dan sokongan ramai orang. Kami ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua orang atas bantuan mereka.

Kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia kami Encik Hamdi bin Haji Mawardi kerana memberi peluang untuk kami menjadi anak didiknya sepanjang Project Tahun Akhir dijalankan. Beliau tidak pernah berputus-asa memberi sokongan serta pendapat kepada kami serta beliau juga merupakan mentor kepada kami.

Kami juga ingin berterima kasih kepada Cik Bazilah, cikgu di Pusat Terapi Genius World Solution kerana memberi peluang kepada kami membuat tinjauan di sekolah tersebut serta menerangkan lebih lanjut tentang kanak-kanak autisme. Kami juga ingin berterima kasih kepada Puan Aqilla, ahli terapi di The National Autism Society of Malaysia (NASOM) keranasudi menjadi penyelia ke-2 kami serta memberi pendapat selama Project Tahun Akhir dijalankan.

Terima kasih juga kepada ibu bapa, saudara mara dan rakan-rakan terdekat, di atas sokongan yang tidak berbelah bahagi sepanjang projek tahun akhir ini dijalankan. Tanpa sokongan dan dorongan berterusan mereka, projek kami tidak akan berjaya

Akhir kata, terima kasih untuk rakan seperjuangan Arfan, Hazman, Hanisah dan Elyia kerana memberi komitmen yang sangat baik walaupun menghadapi kesukaran serta cabaran sepanjang projek tahun akhir dijalankan tetapi dengan ini kami dapat kenangan yang tidak dapat dilupakan suka dan duka bersama.

## **MONTESSORI AUTISME BOARD (M.A.B)**

Nur Hanisah binti Sadzali, Arfan Naufal bin Rahim, Hazman Adlie bin Hisham, Siti Elyia Maisara binti Mohd Edrus  
(08dbk22f1011@student.psa.edu.my, 08dbk22f1037@student.psa.edu.my, 08dbk22f1058@student.psa.edu.my,  
08dbk22f1072@student.psa.edu.my)

### **Abstrak**

M.A.B adalah satu ringkasan kepada Montessori Autisme Board. M.A.B merupakan alat bantu mengajar berkonsepkan pengalaman deria yang lebih tersusun serta mudah alih untuk memenuhi keperluan pembelajaran kanak-kanak autisme ringan (mild autisme). M.A.B dibangunkan dengan memberi fokus kepada konsep 3M 1P. Konsep 3M ialah aktiviti melibatkan mengejar, mengira dan menulis. Manakala 1P adalah pengurusan diri yang mana ia memfokuskan berkenaan aktiviti harian seperti membuka penutup botol, mengikat tali kasut, menyalakan lampu, menarik zip serta menyelak kunci rumah. M.A.B adalah produk yang dihasilkan menggunakan pelbagai jenis bahan antaranya papan lapis, kayu kasah, kayu MDF, kayu getah, bahan pengikat dan aksesori perabot. Dapatan analisis produk ini mendapat maklum balas 100% bersetuju menyatakan bahawa produk ini mampu meningkatkan perhatian atau fokus kanak-kanak autisme dalam pembelajaran. Kesimpulan dengan terhasilnya M.A.B ini dapat meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan perhatian kanak-kanak autisme ringan dalam aktiviti pembelajaran serta aktiviti harian mereka.

**Kata kunci :** Kanak-kanak autisme ringan (Mild Autisme), Alat bantu mengajar, konsep 3M 1P.

## **MONTESSORI AUTISME BOARD (M.A..B)**

Nur Hanisah binti Sadzali, Arfan Naufal bin Rahim, Hazman Adlie bin Hisham, Siti Elyia Maisara binti Mohd Edrus  
(08dbk22f1011@student.psa.edu.my, 08dbk22f1037@student.psa.edu.my, 08dbk22f1058@student.psa.edu.my,  
08dbk22f1072@student.psa.edu.my)

### **Abstrak**

M.A.B stands for Montessori Autism Board, a sensory-based teaching aid that is structured and portable, designed to meet the learning needs of children with mild autism. M.A.B is developed with a focus on the 3M IP concept. The 3M concept encompasses activities involving chasing, counting, and writing. Meanwhile, 1P stands for self-management, focusing on daily activities such as opening bottle caps, tying shoelaces, switching on lights, zipping up, and unlocking doors. M.A.B is produced using a variety of materials, including plywood, Kasah wood, MDF wood, rubberwood, fasteners, and furniture accessories. Product analysis findings show that 100% of feedback indicates this product effectively enhances the focus of children with autism in learning. In conclusion, M.A.B increases the knowledge, skills, and attention of children with mild autism in both learning activities and their daily routines.

**Keyword :** Children with mild autism (Mild Autisme), sensory-based teaching aid, concept 3M 1P.

## **SENARAI KANDUNGAN**

<b>BAB KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGISYTIHARAN KEASLIAN DAN HAK MILIK</b>	<b>1</b>
<b>HALAMAN KELULUSAN</b>	<b>2</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	<b>3</b>
<b>ABSTRAK</b>	<b>4 - 5</b>
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	<b>6 - 8</b>
<b>SENARAI GAMBAR RAJAH</b>	<b>9 - 12</b>
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>13</b>
<b>1. PENGENALAN</b>	<b>14 - 16</b>
1.1 Pendahuluan	
1.2 Penyataan Masalah	
1.3 Kepentingan Projek	
1.4 Objektif	
1.5 Skop Kajian	
<b>2. KAJIAN LITERATUR</b>	<b>17- 37</b>
2.1 Pengenalan Kajian	
2.2 Karakteristik Kanak-kanak Autisme	
2.3 Perbandingan Severe Dan Autisme Ringan (Mild Autisme)	
2.3.1 Severe Autisme	
2.3.2 Autisme Ringan (Mild Autisme)	
2.3.3 Ciri-ciri Autisme	
2.4 Tinjauan Harga dan Reka Bentuk Yang Terdapat Di Dalam Pasaran	
2.5 Kekurangan Produk Sedia Ada	
2.6 Kajian Lapangan	
2.6.1 Genius World Solution	
2.6.2 The National Society Of Malaysia (NASOM)	
2.7 Bahan-bahan	
2.7.1 Papan Lapis Nyatoh	
2.7.2 Kayu Kasah	

2.7.3 Kayu MDF

2.7.4 Kayu Getah

2.7.5 Selak Pintu

2.7.6 Suiz

2.7.7 Zip

2.7.8 Tali Kasut

2.7.9 Handle

2.7.10 Penutup Botol

2.7.11 Engsel

2.7.12 PVA Glue

2.7.13 Tanggam

2.7.13.1 Tanggam Lekap T

2.7.13.2 Tanggam Tongue And Groove Joinery

2.7.14 Lampu LED

2.7.15 Xylophone

2.7.16 ABC Magnetic

2.7.17 Number Matematik

2.7.18 Papan Putih Magnetik

2.7.19 Marker Pen

2.7.20 Kad Emosi

2.7.21 Buckle Strap

### **3. METODOLOGI 38 - 68**

3.1 Pengenalan

3.2 Carta Alir

3.3 Proses Reka Bentuk

3.3.1 Sumber Idea

3.3.2 Lakaran produk

3.3.3 Lukisan Teknikal

3.4 Kajian Lapangan (Survey)

3.4.1 Sesi Temu Bual Bersama Cik Bazilah (Genius World Solution)

3.4.2 Sesi Temu Bual Cik Huda Dan Cik Aqilla (NASOM)

3.5 Senarai Potongan

- 3.5.1 Bilangan Bahan
- 3.5.2 Kos
- 3.6 Pembelian Material
- 3.7 Pembelian Bahan Dalam Talian
- 3.8 Cara Pembuatan Case
- 3.9 Cara Pembuatan Stand
- 3.10 Cara Pembuatan Board
- 3.11 Cara Pembuatan Casing Box Kecik
- 3.12 Cara Pembuatan Box Kecik
- 3.13 Cara Pembuatan Slot Holder
- 3.14 Proses Kekemasan
- 3.15 Proses Pemasaran

<b>4.</b>	<b>HASIL DAN PERBINCANGAN</b>	<b>69 - 74</b>
	4.1 Pengenalan	
	4.2 Projek Prototaip	
	4.3 Hasil Produk	
	4.4 Maklum Balas Dan Penembahbaikan	
<b>5.</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>75</b>
	5.1 Kesimpulan	
	5.2 Cadangan	

# **SENARAI GAMBAR RAJAH**

## **Bab 1**

Rajah 1: Busy Board

## **Bab 2**

Rajah 2: Harga Busy Board

Rajah 3: Tiba Di Genius World Solution

Rajah 4: Berjumpa Kanak-kanak Autisme

Rajah 5: Sesi Temu Bual

Rajah 6: Tiba Di NASOM

Rajah 7: Sesi Temu Bual

Rajah 8: Gambar Bersama Penyelia Ke-2

Rajah 9: Papan Lapis Nyatoh

Rajah 10: Kayu Kasah

Rajah 11: Kayu MDF

Rajah 12: Kayu Getah

Rajah 13: Selak Pintu

Rajah 14: Suiz Lampu

Rajah 15: Zip

Rajah 16: Tali Kasut

Rajah 17: Handle

Rajah 18: Penutup Botol

Rajah 19: Engsel

Rajah 20: PVA Glue

Rajah 21: Tanggam Lekap T

Rajah 22: Tanggam Tongue And Groove Joinery

Rajah 23: Lampu LED

Rajah 24: Xylophone

Rajah 25: ABC Magnetic

Rajah 26: Number Matematik

Rajah 27: Papan Putih Magnetik

Rajah 28: Marker Pen Berwarna

Rajah 29: Kad Emosi

Rajah 30: Buckle Strap

## Bab 3

Rajah 31: Busy Board

Rajah 32: Lakaran Produk

Rajah 33: Pandangan Berlorek Kelabu di dalam AutoCAD

Rajah 34: Pandangan Realiti di dalam AutoCAD

Rajah 35: Reka Bentuk Case

Rajah 36: Reka Bentuk Stand

Rajah 37: Reka Bentuk Board

Rajah 38: Sesi Temu Bual

Rajah 39: Genius World Solution

Rajah 40: Di NASOM

Rajah 41: Sesi Temu Bual

Rajah 42: Di B.S Huat area Sungai Buloh

Rajah 43: Resit Pembelian di B.S Huat

Rajah 44: Di Far East Timber Industries area Sungai Buloh

Rajah 45: Resit Pembelian di Far East Timber Industries

Rajah 46: Number, Buckle dan White Board Magnetic

Rajah 47: Spinner, Marker Pen dan Wooden abacue

Rajah 48: ABC Magnetic, Kad Emosi dan Magnet Sheet

Rajah 49: Kasut, Xylophone dan Handel

Rajah 50: Box Cabinet Locks, Door Chain Look dan Clamping Nuts

Rajah 51: Ketam Kayu Kasah

Rajah 52: Hasil Ketam Kayu Kasah

Rajah 53: Potong Kayu Kasah

Rajah 54: Potong Papan Lapis

Rajah 55: Ukur Kayu Kasah

Rajah 56: Ukur Papan Lapis

Rajah 57: Membuat Tanda  $45^\circ$

Rajah 58: Potong Mengikut Tanda  $45^\circ$

Rajah 59: Buat Alur Pada Kayu Kasah

Rajah 60: Hasil Alur

Rajah 61: Sending Kayu Kasah

Rajah 62: Gam Kayu Kasah dan Papan Lapis Nyatoh

- Rajah 63: Clamp Kayu Kasah dan Papan Lapis Nyatoh
- Rajah 64: Lap Gam Menggunakan Kain Kasah
- Rajah 65: Guna L Scape Untuk Mengukur Keselarian Produk
- Rajah 66: Hasil Gam dan Clamp
- Rajah 67: Tembak Untuk Mengukuhkan Lagi Produk
- Rajah 68: Proses Pemasangan Case
- Rajah 69: Proses Mencincang
- Rajah 70: Proses Mentrim
- Rajah 71: Proses Memahat
- Rajah 72: Proses Skru
- Rajah 73: Proses Mencantum Bahagian Atas Frame
- Rajah 74: Proses Memasang Skru Hinges
- Rajah 75: Proses Ketam
- Rajah 76: Proses Membentuk Stand
- Rajah 77: Proses Mendrill
- Rajah 78: Proses Mencantum Pemegang Board
- Rajah 79: Proses Gam Dan Clamp Stooper Pada Pemegang Board
- Rajah 80: Proses Membuat Tanda
- Rajah 81: Proses Gam, Clamp Dan Nail Gun Stand
- Rajah 82: Proses Tanda Dan Memasang Rantai Pada Stand
- Rajah 83: Proses Membuat Lubang Dan Pasang Clumping Nuts Pada Stand
- Rajah 84: Proses Mengukur Setelah Pemotongan
- Rajah 85: Bentuk Board Yang Dipaparkan Di Alphacam
- Rajah 86: Proses Pembuatan Casing Untuk Box Kecik
- Rajah 87: Proses Pembuatan Slot Holder
- Rajah 88: Proses Sanding
- Rajah 89: Proses Menutup Lubang Yang Terdapat Pada Permukaan Kayu
- Rajah 90: Proses Ketam Tangan
- Rajah 91: Proses Spray Clear Pada Case
- Rajah 92: Proses Merwernakan Stand
- Rajah 93: Proses Bancuh White Sealer
- Rajah 94: Proses Based Code Board
- Rajah 95: Proses Top Code Board
- Rajah 96: Proses Laser Cutting
- Rajah 97: Proses Pemasangan Lapik
- Rajah 98: Proses Pemasangan Selak Kunci
- Rajah 99: Proses Pemasangan Magnet

Rajah 100: Proses Mencantumkan Number

Rajah 101: Proses Melekatkan Tools Montessori

Rajah 102: Proses Melekatkan Logo

Rajah 103: Proses Memasang Slot Holder Dan Box Kecik Pada Case

## **Bab 4**

Rajah 104: Memberi Penerangan Tentang M.A.B Kepada Terapi, Puan Aqilla Di NASOM Dan Mengambil Maklum Balas Mengenai M.A.B

Rajah 105: Memberi Penerangan Tentang M.A.B Kepada Cikgu Bazilla Dan Kanak-kanak autisme Ringan Daripada Genius World Solution TTDI Jaya

Rajah 106: Memberi Tunjuk Ajar Cara Pengguna M.A.B

Rajah 107: Situasi Semasa Pemerhatian Dijalankan

Rajah 108: Carta Pie Menunjukkan Adakah Produk Ini Sesuai Untuk Kanak-kanak Autisme

Rajah 109: Carta Pie Menunjukkan Adakah Produk Ini Meningkatkan Kemahiran Dan Pengetahuan Kanak-kanak Autisme

Rajah 110: Carta Pie Menunjukkan Adakah Produk Ini Mampu Meningkatkan Perhatian Atau Fokus Kanak-kanak Autisme Dalam Pembelajaran

Rajah 111: Carta Pie Menunjukkan Adakah Harga Yang Ditetapkan Wajar Dan Sepadan Dengan Kualiti Produk

## **SENARAI SINGKATAN**

M.A.B	Montessori Autisme Board
NASOM	The National Society Of Malaysia
FYP	Final Year Project

## **BAB 1**

### **PENGENALAN**

#### **1.1 PENDAHULUAN**

Montessori adalah penekanan pada pendekatan pendidikan berpusatkan kanak-kanak, kepentingan persekitaran yang disediakan untuk pembelajaran, dan kesannya terhadap perkembangan kanak-kanak dari segi kognitif, sosial, dan emosi (Dr. Angeline Stoll Lillard 2005). Pendidikan adalah proses semulajadi yang dilakukan oleh kanak-kanak dan tidak diperolehi dengan mendengar kata-kata tetapi dengan pengalaman dalam persekitaran (Dr. Maria Montessori awal abad ke-20).

Autisme merupakan sejenis keceluaran neuro tingkah laku di mana individu autisme mempunyai masalah dalam kognisi, sosio-emosi dan interaksi sosial dan autisme boleh didiagnosis dalam seseorang individu seawal usia 3 tahun. Oleh itu, autisme ini bukanlah ditarikkan sebagai penyakit tetapi merupakan keceluaran neurologi perkembangan kanak-kanak (Kaarrtini dan Hilwa 2019). Dari segi perubatan, autisme tidak dilihat sebagai satu penyakit. Autism boleh didefinisikan sebagai ketidakupayaan perkembangan yang secara signifikannya mempengaruhi komunikasi lisan, bukan lisan, dan interaksi sosial (Zainun et al., 2019).

Autisme ialah gangguan perkembangan neurologi yang kompleks yang termasuk kecacatan dalam interaksi sosial, pemprosesan sensorik, dan kemahiran komunikasi, digabungkan dengan tingkah laku berulang yang kaku. Ia boleh hadir dalam tiga tahap, tahap pertama atau ringan memerlukan sokongan, dikategorikan sebagai tahap rendah (mild autism), tahap ke-2 memerlukan sokongan yang besar, dikategorikan sebagai tahap pertengahan (moderate autism), dan tahap ke-3 memerlukan sokongan yang sangat besar dan dikategorikan sebagai tahap tinggi (severe autism).

Oleh itu, tujuan kajian projek ini adalah untuk menghasilkan montessori minda autisme iaitu alat bantu mengajar yang boleh digunakan oleh kanak-kanak autisme ringan (mild autisme). Ia juga bertujuan untuk membantu ibubapa melatih anak mereka semasa di rumah. Montessori minda autisme yang dihasilkan mengikut kategori supaya kanak-kanak autisme ringan (mild autisme) lebih fokus dalam pembelajaran mereka.

## **1.2 PENYATAAN MASALAH**

Sebelum M.A.B dihasilkan atau dijalankan, ia bertujuan untuk membantu kanak-kanak autisme dari segi pembelajaran. Seterusnya produk ini bertujuan untuk menyelesaikan masalah seperti sukar diperolehi serta harga yang tinggi serta produk ini dapat membantu kanak-kanak autisme yang sukar melakukan aktiviti pengurusan diri dan pembelajaran dengan baik.

## **1.3 KEPENTINGAN PROJEK**

Kepentingan projek ini adalah untuk meningkatkan keberkesanan dalam aktiviti pembelajaran kanak-kanak autisme dan boleh dijadikan rujukan untuk membuat kajian masa akan datang. Seterusnya, produk ini dapat menjadi salah satu alat bantu mengajar di pusat terapi dan dapat membantu ibubapa melatih anak mereka di rumah dengan lebih berkesan.

## **1.4 OBJEKTIF**

Objektif projek ini adalah untuk menghasilkan sebuah alat bantu mengajar kepada kanak-kanak mild autism dan menyumbangkan alat bantu mengajar kepada Pusat Terapi.

## 1.5 SKOP KAJIAN

Skop kajian ini tertumpu kepada kanak-kanak autism ringan (mild autism) di Pusat Terapi Genius World Solution. Selain itu, skop kajian yang merupakan reka bentuk produk montessori autism board ini adalah sama seperti sedia ada (rajah 1)



Rajah 1: Busy Board

Tetapi kami membuat penambahbaikan dari segi rupa bentuk, kekemasan dan susun atur bahan mengajar. Idea kami ialah mengklasifikasikan mengikut kategori seperti 3M dan pengurusan diri. 3M terdiri daripada mengejar, mengira, dan menulis. Produk ini mengklasifikasikan mengikut kategori agar kanak-kanak mild autisme lebih fokus dalam pembelajaran.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATUR**

#### **2.1 PENGENALAN KAJIAN**

Autism ialah gangguan pertumbuhan tumbeser seseorang dalam jangka masa panjang yang memberi kesan dalam pemikiran kanak-kanak dan dalam proses informasi. Ia berlaku kepada kanak-kanak di antara 1-2 orang dalam 1000 dan ia terjadi 4 kali lebih kerap di kalangan kanak-kanak laki-laki. ( Eni Rahaiza 2020)

Autism adalah salah satu bahagian dalam gangguan yang dipanggil “Pervasive Developmental Disorders” dan satu lagi gangguan dari kumpulan ini ialah ‘Asperger’s Syndrome’ di mana pertuturan kanak-kanak dan kemahiran kognitif boleh jadi normal. Sebab-sebab Autism tidak diketahui tetapi kemungkinan berpunca dari faktor keturunan atau ketidakseimbangan kimia di dalam otak. Terencat akal boleh berlaku dalam 75% kanak-kanak autism. ( Eni Rahaiza 2020)

Tanda dan gejala berlaku disebabkan oleh 3 faktor utama iaitu komunikasi, tindak balas sosial, dan tingkah laku yang berulang dari segi minat dan aktiviti. Komunikasi antaranya ialah lambat atau tidak boleh bertutur, bahasa tanpa lisan yang tidak normal contoh, kurang pergerakan anggota badan, kurang cerdas semasa bermain dan kurang upaya bergaul atau berbincang dengan orang lain. Selain itu, tindak balas social antaranya ialah hilang tumpuan dan kurang mimik muka, tiada kesedaran perasaan terhadap orang lain, suka bersendirian tanpa berkongsi pengalaman dengan orang lain dan suka bermain sendirian. Bagi tingkah laku yang berulang dari segi minat dan aktiviti ialah menggerakkan anggota badan berulang kali seperti bertepuk tangan, menggoyangkan badan ke hadapan dan belakang, menganguk kepala, menumpukan perhatian kepada satu objek sahaja seperti tayar kereta mainan, tertekan ke atas perubahan kecil yang berlaku dalam persekitaran dan hanya berminat terhadap satu atau dua perkara sahaja. ( Eni Rahaiza 2020)

Autisme, yang dikenali sebagai Autism Spectrum Disorder (ASD) atau Keceluaran Spektrum Autisme, telah diidentifikasi dalam Diagnostic and Statistical Manual of Mental Disorders, IV ed. (DSM-IV) sebagai keceluaran perkembangan pervasive (Kakkar & Srivastava, 2017). DSM-IV ini akan dikenal pasti melalui pemerhatian iaitu kekurangan

kemahiran motor dan/atau ketidakupayaan kognitif, yang menyukarkan pelaksanaan aktiviti harian seperti memakai baju atau makan.

Apa itu Montessori? Montessori adalah metode pembelajaran yang membebaskan anak untuk memilih aktivitas sesuai minat dan bakatnya. Metode ini diketahui dapat memberikan banyak dampak positif dalam tumbuh kembang anak, misalnya anak lebih percaya diri dan berdikari. (Airindya Bella 2023)

Montessori pertama kali dikembangkan oleh Dr. Maria Montessori untuk mengajarkan anak usia dini dari keluarga berpenghasilan rendah di Roma dan anak dengan ketidakmampuan intelektual. Metode ini berfokus pada belajar secara mandiri dan membebaskan anak untuk belajar hal yang diminatinya. (Airindya Bella 2023)

Pendekatan Montessori menawarkan satu pendekatan yang berpotensi dalam membantu kanak-kanak autisme. Ia mampu meningkatkan kemahiran motor halus mereka melalui alat bantu pembelajaran seperti busy board, sementara secara tidak langsung menguatkan tangan mereka semasa dalam sesi pembelajaran. Walaupun begitu, satu cabaran yang dihadapi adalah kecenderungan kanak-kanak autisme untuk kehilangan fokus, yang mungkin menjadikan penggunaan Montessori ini kurang efektif.

Selain itu, satu isu penting adalah ketersediaan dan aksesibiliti alat bantu mengajar Montessori di pasaran tempatan. Alat bantu mengajar dengan kaedah Montessori sering kali mempunyai harga yang tinggi dan tidak tersedia secara meluas di Malaysia, menyebabkan ibu bapa dan pengasuh mungkin menghadapi kesukaran dalam mendapatkan sumber daya ini untuk membantu pembelajaran kanak-kanak mereka yang mengalami autisme.

Oleh itu, alat bantu mengajar Montessori autism ini menawarkan potensi yang besar untuk membantu dalam pembangunan kanak-kanak autisme, untuk mengatasi isu seperti kehilangan fokus dan ketersediaan alat bantu mengajar yang memenuhi keperluan serta kemampuan kewangan keluarga. Pendekatan melalui kaedah Montessori ini dapat memberi manfaat yang berkesan kepada kanak-kanak autisme, pengajar, ibu bapa dan komuniti secara keseluruhan.

## **2.2 KARAKTERISTIK KANAK-KANAK AUTISME**

Karakter kanak-kanak autisme dapat bervariasi dari satu individu ke individu lain, tetapi biasanya melibatkan cabaran dalam berkomunikasi, interaksi sosial, dan penyesuaian dengan perubahan. Mereka mungkin menghadapi kesukaran dalam memahami dan menyesuaikan diri dengan persekitaran mereka, serta menunjukkan minat yang terhad kepada perkara tertentu. Sokongan yang sesuai dan pemahaman terhadap keperluan mereka adalah penting untuk membantu mereka berkembang.

Kanak-kanak autisme mengalami kesukaran untuk memahami percakapan, bertutur dan menyatakan kehendak. Pertuturan mereka mungkin terhad kepada satu patah perkataan. Kebiasaan mereka membuat bunyi atau perkataan yang tidak bermakna dan tidak boleh difahami (jargon). Kanak-kanak autisme juga boleh mengalami ekolalia, iaitu, pengulangan perkataan-perkataan yang dituturkan oleh orang lain.

Tidak menunjukkan minat untuk berinteraksi dengan individu lain merupakan ciri utama kesukaran interaksi sosial kanak-kanak autisme. Mereka sukar untuk bertengangan mata dan tidak menyahut apabila dipanggil. Kanak-kanak autisme sukar bergaul dengan kanak-kanak lain dan sering bermain sendirian. (Rozila Sumardi 2020)

## **2.3 PERBANDINGAN SEVERE AUTISME DAN MILD AUTISME**

### **2.3.1 Severe Autism**

Ketidakupayaan Sensori, ramai kanak-kanak autistik mempunyai ciri-ciri ketidakupayaan sensori. Ini bermaksud mereka sama ada terlalu sensitif (atau tidak cukup sensitif) terhadap Cahaya, Bau, Bunyi, Sentuhan dan Rasa.

Sensory Processing Disorder (SPD) ialah keadaan neurologi yang mempengaruhi bagaimana otak anda memproses input sensori. Seseorang dengan SPD boleh lebih sensitif atau kurang sensitif terhadap bunyi, bau, tekstur, dan rangsangan lain daripada individu biasa.

Apakah SPD? SPD ialah keadaan di mana otak mengalami kesukaran menerima maklumat sensori dan bertindak balas terhadapnya dengan sewajarnya. Pemprosesan sensori adalah fungsi neuroperkembangan kompleks. Ia membolehkan kita mengesan input sensori dalaman dan luaran, mengkoordinasikan maklumat, dan mengambil tindakan yang sesuai. Sebagai contoh, jika anda mencium asap, anda akan mencari api, atau jika anda rasa sejuk, anda akan memakai sweater.

Nama Lain untuk Severe Autisme ialah Autisme klasik, Autisme Kanner (diberi nama selepas individu yang pertama kali menghuraikannya), Autisme mendalam dan Autisme berfungsi rendah (tetapi istilah ini tidak digunakan oleh kebanyakan dalam komuniti autism) (Lisa Jo Rudy 2023)

### **2.3.2 Mild Autism**

Mild Autisme ialah satu istilah tidak rasmi yang biasa digunakan untuk merujuk kepada diagnosis spektrum autisme tahap 1. Individu yang sedikit autistik mempunyai ciri-ciri yang kurang ketara (yang sering mereka sembunyikan) dan memerlukan sokongan yang rendah. Walau bagaimanapun, cabaran boleh termasuk interaksi sosial, membaca petunjuk sosial, memahami bahasa badan, dan menguraikan ekspresi muka.

Mild Autisme juga kadang-kadang dipanggil, Autisme berfungsi tinggi (HFA) Sindrom Asperger, “slightly autistic”, “mildly autistic”, dan “a little autistic”.


### **2.3.3 Ciri-ciri Mild Autisme**

Kanak-kanak autisme dengan keperluan sokongan rendah boleh mempunyai banyak tingkah laku ‘neurotypical’. Antaranya,

- i. Tidak membuat kontak mata: Kanak-kanak autisme mungkin kelihatan sangat pemalu dan cenderung mengalihkan pandangan daripada orang semasa berbicara, sama ada secara kerap atau konsisten.
- ii. Kelihatan jauh: Mereka kadangkala kelihatan seperti berada "dalam dunia mereka sendiri" dan mungkin tidak memberi tindak balas terhadap orang yang bercakap dengan mereka
- iii. Bergantung pada rutin: Kanak-kanak autisme suka melakukan sesuatu dengan cara yang sama kerana ia membuat mereka rasa selamat. Jika terdapat perubahan kepada rutin ini boleh menyebabkan mereka bertindak balas secara emosional atau luar kawalan.

Kata "neurotypical" adalah satu istilah tidak formal yang digunakan untuk menggambarkan seseorang yang fungsi otaknya dianggap biasa atau dijangka oleh masyarakat. Istilah ini sering digunakan untuk orang yang tidak mempunyai gangguan perkembangan seperti autisme, membezakan mereka dari mereka yang memiliki. Ia bukanlah gangguan mental atau malah istilah diagnostik rasmi. (Jonathan Jassey 2023)

## 2.4 TINJAUAN HARGA DAN REKA BENTUK YANG TERDAPAT DI DALAM PASARAN



Rajah 2: Harga Busy Board

Seperti yang dipaparkan dalam gambar rajah 2, harga yang terdapat dalam pasaran sangat mahal kerana dijual dari luar negara serta reka bentuknya yang besar hanya boleh diletakkan pada satu tempat sahaja. Manakala produk kami M.A.B dijual dengan harga yang mampu milik serta dibuat dengan reka bentuk mudah alih.

## **2.5 KEKURANGAN PRODUK SEDIA ADA**

Kanak-kanak autisme cenderung mengalami kesulitan untuk mengekalkan fokus kerana terlalu banyak perkara di dalam satu papan yang sama. Selain itu, harga yang tinggi serta ketersediaan terhad di pasaran, terutamanya di Malaysia, juga menyulitkan ibu bapa dan pengajar untuk mendapatkan alat bantu mengajar yang sesuai untuk membantu pembelajaran anak-anak autisme.

Oleh itu, kami ingin membuat alat bantu mengajar iaitu Montessori Autisme Board (M.A.B), dimana produk kami menggunakan konsep 3M + 1P. Apakah 3M + 1? 3M ialah mengejar, mengira, dan menulis manakala 1P ialah pengurusan diri. Disini kami akan mengasingkan mengikut kategori agar kanak-kanak autism dapat mengekalkan fokus semasa pembelajaran.

## **2.6 KAJIAN LAPANGAN**

### **2.6.1 Genius World Solution**

Kajian lapangan telah dijalankan di Genius World Solution. Lawatan ini dijalankan pada hari Jumaat 23 February 2024.



Rajah 3: Tiba Di Genius Worls Solution



Rajah 4: Berjumpa Kanak-kanak Autisme



Rajah 5: Sesi Temu Bual

Setelah membuat kajian lapangan di Genius World Solution, kami mendapat banyak maklumat tentang kanak-kanak autism. Kami juga telah menerangkan tentang produk kami M.A.B kepada Cik Bazilah serta cara penggunaannya. Beliau amat menyukai tentang produk kami. Selain itu, produk yang kami ingin membuat tidak ada lagi di Genius World Solution, ini amat membantu proses pembelajaran mereka.

### 2.6.2 The National Autism Society Of Malaysia (NASOM)

Kajian lapangan telah dijalankan di NASOM. Penyelidikan ini dijalankan pada hari jumaat 3 APRIL 2024.



Rajah 6: Tiba Di  
NASOM

Rajah 7: Sesi Temu Bual

Rajah 8: Gambar Bersama  
Penyelia Ke-2

Setelah membuat kajian lapangan di NASOM, kami mendapat lebih banyak maklumat tentang kanak-kanak autism terutama mild autism. Kami juga telah menerangkan tentang produk kami M.A.B kepada Cik Aqilla dan Cik Huda. Mereka bersetuju tentang produk kami dapat membantu kanak-kanak mild autism. Serta Cik Aqilla bersetuju menjadi penyelia ke-2 kami sepanjang produk kami dijalankan.

## 2.7 BAHAN-BAHAN

### 2.7.1 Papan Lapis Nyatoh



Rajah 9: Papan Lapis Nyatoh

Papan Lapis Nyatoh adalah lembaran kayu yang terbuat dari lapisan-lapisan kayu yang direkatkan bersama-sama dengan kayu Nyatoh sebagai bahan dasarnya. Ini adalah produk buatan manusia yang menggunakan kayu Nyatoh sebagai salah satu bahan baku utamanya. Kayu Nyatoh berasal dari spesies pohon dalam genus *Palaquium* dan terkenal karena kekuatan, kestabilan, serta serat kayu yang menarik. Berat plywood nyatoh dapat bervariasi tergantung pada ketebalan dan dimensi lembarannya. Namun, secara umum, plywood nyatoh memiliki berat yang relatif ringan dibandingkan dengan kayu padat dengan ketebalan yang sama.

Kami menggunakan papan lapis nyatoh kerana ia ringan serta sesuai untuk produk kami. Dimention yang kami gunakan ialah 409x209x4mm (2), 526x70.5x4mm (2), 485x204x4mm (2), dan 565x429x4 (2) dan 220x93x4mm (2).

### 2.7.2 Kayu Kasah



Rajah 10: Kayu Kasah

Kayu kasah adalah sejenis kayu yang terkenal di Asia Tenggara, termasuk di Malaysia. Ia merupakan kayu yang cukup popular dalam pembuatan perabot dan seni ukiran kerana kekuatan serta keindahan seratnya. Kayu kasah biasanya digunakan dalam pembuatan perabot, panel dinding, ukiran, dan hiasan kayu. Ia mempunyai warna yang kaya dan serat yang menarik, menjadikannya pilihan yang baik untuk projek-projek seni dan dekoratif.

Kami memilih kayu kasah kerana warnanya yang cerah sesuai untuk produk kami. Dimention yang kami gunakan ialah 275x40x20mm (8), 480x 40x20mm (4), 596x40x20mm (2), 556x74x20mm (1), 556x40x20mm (4), 410x25x12mm (2) dan 412x30x12mm (4).

### 2.7.3 Kayu MDF



Rajah 11: Kayu MDF

Kayu MDF (Medium-Density Fiberboard) merupakan sejenis bahan kayu berkejur yang diperbuat daripada serat kayu halus yang dihasilkan melalui pengisaran, pengeringan, dan perekatan menggunakan resin atau perekat. Ia digunakan dalam pelbagai aplikasi pembuatan perabot, pembinaan, dan reka bentuk dalaman. Kayu MDF biasanya dihasilkan dengan ketumpatan sederhana, di antara papan keras (hardboard) dan papan ringan (particleboard). Ia sering digunakan sebagai pengganti kayu solid kerana kelebihannya yang termasuk ketahanan terhadap belahan, ketidakstabilan, dan senang untuk dibentuk serta diolah. Kayu MDF juga sering digunakan dalam penghasilan perabot moden, laminasi, dan hiasan dalaman.

Kami menggunakan kayu MDF sebagai board pada produk kami. Dimentonnya ialah 450x400x9mm (3), 112x93x9mm (2), 122x93x9mm (2), 207x85x9mm (2), 225x122x9mm (4), 128x80x9mm (4) 125x80x9mm (4), dan 125x146x9mm (1).

#### **2.7.4 Kayu Getah**



Rajah 12: Kayu Getah

Kayu Getah atau dikenali sebagai Rubberwood, berasal daripada pokok getah (*Hevea brasiliensis*), yang lazimnya ditanam untuk menghasilkan getah atau lateks. Selepas pokok getah tidak lagi mengeluarkan getah yang mencukupi, kayunya digunakan untuk pelbagai produk. Kayu getah mempunyai ciri yang kuat, urat kayu yang lurus, tekstur yang halus, dan stabil, menjadikannya sesuai untuk pembuatan perabot, lantai, dan produk kayu lain. Kayu ini juga dianggap mesra alam kerana memanfaatkan pokok yang telah selesai digunakan untuk penghasilan getah, sekali gus mengurangkan pembaziran sumber.

#### **2.7.5 Selak Pintu**



Rajah 13: Selak Pintu

Selak stainless steel adalah bagian pintu yang berfungsi untuk mengunci pintu. Ini biasanya terbuat dari stainless steel, yang tahan terhadap karat, menjadikannya pilihan yang tahan lama untuk aplikasi di luar ruangan atau di lingkungan yang sering terkena kelembapan.

Kami menggunakan Selak stainless steel yang berukuran 3inch bersamaan dengan 76.2mm untuk mengajar kanak-kanak mild autism dalam rutin harian mereka.

### **2.7.6 Suis**



Rajah 14: Suis Lampu

Suis lampu adalah untuk menghidupkan dan mematikan lampu dengan mudah. Mereka memberikan kontrol langsung terhadap pencahayaan

Kami menggunakan suis lampu yang berukuran 85mm x 85mm untuk mengajar kanak-kanak mild autism dalam rutin harian mereka.

### **2.7.7 Zip**



Rajah 15: Zip

Zip dapat merujuk pada jenis kunci (resleting) yang digunakan pada pakaian atau barang-barang lainnya untuk membuka dan menutup dengan mudah. Resleting adalah jenis kunci yang terbuat dari dua strip kain yang dilengkapi dengan gigi-gigi kecil yang saling terkait.

Kami menggunakan zip berukuran 2.5x23.8mm untuk mengajar kanak-kanak mild autism dalam rutin harian mereka.

## **2.7.8 Tali Kasut**



Rajah 16: Tali Kasut

Tali kasut adalah seutas jalinan serat yang kuat dan fleksibel, biasanya terbuat dari bahan seperti poliester.

Kami menggunakan kasut bersama tali bersaiz 33(saiz kanak-kanak) yang berukuran 195mm untuk mengajar kanak-kanak mild autism dalam rutin harian mereka.

## **2.7.9 Handle**



Rajah 17: Handle

Handle adalah peranti yang direka untuk membawa barang seperti beg, kotak, atau bagasi. Pegangan pemikul biasanya dipasang di bahagian atas atau sisi objek dan digunakan untuk mengangkat dan memindahkan barang dari satu tempat ke tempat lain. Pegangan ini direka untuk memberikan cengkaman yang selesa dan selamat bagi pengguna.

Kami menggunakan handle bagi memudahkan proses membawa dan mengangkat produk kami.

### **2.7.10 Penutup Botol**



Rajah 18: Penutup Botol

Penutup botol boleh digunakan untuk pelbagai jenis botol, termasuk botol minuman, botol ubat, dan sebagainya. Penutup botol boleh datang dalam pelbagai bentuk dan saiz. Fungsinya adalah untuk menjaga isi botol tetap segar dan terlindung dari pencemaran udara, kelembaban, atau kontaminan lainnya. Penutup botol juga membantu mengurangkan risiko tumpahan dan memastikan kebersihan dan keamanan isi botol.

Kami menggunakan penutup botol size dalam produk kami kerana ia dapat bantu mengajar kanak-kanak autism tentang pengurusan diri.

### **2.7.11 Engsel**



Rajah 19: Engsel

